# PRODUCT DISCLOSURE SHEET / *LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK*

Please read this Product Disclosure Sheet and its terms and conditions before you decide to apply for **Personal Financing-*i* Facility**. Please seek clarification from us if you require further explanation on the details in this document or the general terms. / *Sila baca Lampiran Keterangan Produk ini serta terma-terma dan syarat-syaratnya sebelum anda membuat keputusan untuk memohon **Kemudahan Pembiayaan Peribadi-i.** Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda memerlukan penerangan lanjut berkenaan butiran di dalam dokumen ini atau terma-terma am.*

**Product Theme /** *Tema Produk* :

**Date /** *Tarikh* :

**Marketing Representative /** Nama Pegawai Pemasaran :

1. **Who is Yayasan Dewan Perniagaan Melayu Perlis ("YYP")? /** *Siapakah Yayasan Dewan Perniagaan Melayu Perlis ("YYP")?*
**YYP is a foundation with a company registration number 199201018259 (249763-U) limited by guarantee and incorporated under the Companies Act 2016. It is not a co-operative society under the Co-operative Societies Act 1993. /** *YYP adalah sebuah yayasan dengan nombor pendaftaran syarikat 199201018259 (249763-U) terhad kepada jaminan diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016. Ia bukan sebuah koperasi di bawah Akta Koperasi 1993.*

2. **What is this product about? /** *Apakah produk ini?*
**This is an unsecured Islamic personal financing facility ("Personal Financing-*i* Facility") offered to individuals. The profit is calculated on fixed rate basis based on Rule 78 method. /** *Produk ini adalah kemudahan pembiayaan peribadi Islam ("Kemudahan Pembiayaan Peribadi-I") tanpa cagaran yang ditawarkan kepada individu. Kadar keuntungan dikira berdasarkan kadar tetap dengan menggunakan Peraturan 78.*

3. **What is the Shariah concept applicable? /** *Apakah konsep Shariah yang digunakan?*
**The Shariah concept applicable is Commodity Murabahah via Tawarruq arrangement, whereby customer (through YYP acting as the Customer's agent) buys the commodity from YYP on a deferred payment basis and appoints YYP to sell the commodity on the customer's behalf to a third party on a cash and spot basis. The underlying asset in the sale and purchase contract shall be Shariah-compliant commodity. The proceeds from the sale of the commodity will be credited into the customer's account during disbursement of the facility. /** *Konsep Shariah yang digunakan adalah Komoditi Murabahah melalui penyusunan Tawarruq, di mana pelanggan (melalui YYP sebagai ejen) membeli komoditi daripada YYP secara bayaran tertangguh (ansuran) dan melantik YYP untuk menjual komoditi tersebut bagi pihak pelanggan kepada pihak ketiga atas dasar bayaran serta merta. Aset di dalam kontrak jualan dan belian merupakan komoditi yang patuh Shariah. Hasil jualan komoditi akan dikreditkan ke dalam akaun pelanggan semasa proses pengeluaran.*

4. **What is *akad*? /** *Apakah maksud akad?*
***Akad* is an agreement agreed upon by both parties in the process of Personal Financing-*i* Facility. Customers must understand the questions and / or confirmations enquired during the *akad* process and provide the appropriate responses. All conversations during the *akad* process will be recorded. /** *Akad adalah perjanjian yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak dalam proses urusniaga terhadap Kemudahan Pembiayaan Peribadi-i. Pelanggan perlu memahami soalan dan/atau pengesahan yang dikemukakan semasa proses akad dan memberikan butiran yang sewajarnya. Semua perbualan semasa proses akad akan dirakam.*

5. **What are the product features? /** *Apakah ciri- ciri produk?*
**The Personal Financing-*i* Facility is subject to the following:**
*Kemudahan Pembiayaan Peribadi-i tertakluk kepada perkara berikut:*
   - **Minimum Facility Amount /** *Amaun* Minimum Kemudahan : **RM3,000 (West Malaysia) RM2,500 (East Malaysia)**
   - **Maximum Facility Amount /** *Amaun Maksimum Kemudahan* : **RM300,000**
   - **Minimum Facility Tenure /** *Tempoh Minimum Kemudahan* : **1 year or 12 months** / *1 tahun atau 12 bulan*
   - **Maximum Facility Tenure /** *Tempoh Maksimum Kemudahan* : **10 years or 120 months**/ *10 tahun atau 120 bulan*
   - **Fixed Profit Rate /** *Kadar Keuntungan Tetap* : **6.50% p.a. - 9.99% p.a**. / *6.50% - 9.99% setahun*
   - **Effective Profit Rate /** *Kadar Keuntungan Efektif* : **10.96% p.a. – 15.86% p.a. based on 10 years' tenure** *10.96% - 15.86% setahun berdasarkan tempoh 10 tahun*

6. **What is my maximum eligible amount? /** *Apakah amaun maksimum yang saya layak?*
**Maximum eligible amount will be based on maximum allowed salary deduction which is currently capped at 60% of gross salary and RM300,000. The allowed salary deduction is also subject to approval by your employer. /** *Amaun maksimum yang layak berdasarkan kepada pemotongan gaji maksimum yang dihadkan kepada 60% daripada gaji kasar yang dibenarkan dan RM300,000. Potongan gaji yang dibenarkan juga tertakluk kepada kelulusan majikan anda.*

7. **What do I get from this product? /** *Apakah yang dapat saya perolehi dari produk ini?*
   - **Facility Amount /** *Amaun Kemudahan* : RM _______
   - **Facility Tenure /** *Tempoh Kemudahan* : _______ months
   - **Profit Rate /** Kadar Keuntungan : _______%
   - **Total Profit /** Jumlah Keuntungan : RM _______
   - **Sale Price /** Harga Jualan : RM _______
   - **The amount to be paid by you on deferred payment basis is computed as follows: /** *Amaun yang akan anda bayar berdasarkan pembayaran tertangguh dikira seperti berikut:*
   **Formula: /** *Formula:*
   **Sale Price = Facility Amount + Total Profit, whereby**
   **Total Profit = Facility Amount x Profit Rate x Tenure (years) /**
   *Harga Jualan = Amaun Kemudahan + Jumlah Keuntungan, dimana*
   *Jumlah Keuntungan = Amaun Kemudahan x Kadar Keuntungan x Tempoh Kemudahan (Tahun)*

8. **What are my obligations? /** *Apakah kewajipan saya?*
**You have to ensure that prompt monthly installment payment is to be made every month. /** *Anda harus memastikan bayaran ansuran bulanan dibayar pada setiap bulan.*
   - **Monthly Instalment /** *Ansuran Bulanan* : RM _______
   - **Advance Instalment /** *Pendahuluan Ansuran Bulanan* : _______ **months** / bulan
   - **Sales Price to be Repaid /** *Harga Jualan yang perlu dibayar* : RM _______

- **Monthly Instalment Formula /** *Formula Ansuran Bulanan* (**excluding collection fee /** *tidak termasuk yuran kutipan*)

$$\frac{(P \times I \times N) + P}{n}$$

P = **Facility Amount** / *Amaun Kemudahan*
I = **Profit Rate per Annum** / *Kadar Keuntungan setahun*
N = **Tenure in Years** / *Tempoh dalam tahun*
n = **Tenure in Months** / *Tempoh dalam bulan*

9. **What are the fees and charges that I need to pay? /** *Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?*
   - **Stamp Duty: 0.5% of the Facility Amount as per Stamp Act 1949 (Revised 1989). /** *Duti Setem: 0.5% daripada Amaun Kemudahan seperti yang tertakluk di bawah Akta Setem 1949 (Pindaan 1989)*
   - **Wakalah Fee / Agency Fee /***Yuran Wakalah / Yuran Agensi*: RM80
   - **Service Charge: Based on product offered /***Caj Perkhidmatan: Berdasarkan produk yang ditawarkan*
   - **Collection Fee: 2.0% based on monthly repayment amount (recurring monthly) /** *Yuran Kutipan: 2.0% berdasarkan amaun pembayaran bulanan (berulang setiap bulan)*
   - **Taxes on fees and charges, where applicable, as may be imposed by the relevant authorities in connection with or arising out of the Facility. All fees and charges are subject to change without prior notice. /** *Nota: Cukai yang dikenakan ke atas yuran dan caj, di mana berkenaan, seperti yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan berkenaan dengan atau yang timbul daripada Kemudahan ini. Semua yuran dan caj boleh berubah tanpa notis terlebih dahulu.*

10. **How do I service my monthly instalment? /** Bagaimana cara pembayaran ansuran bulanan saya?
    **You must ensure your monthly instalments are paid on a monthly basis. Repayments are done via Salary Deduction Scheme. Repayments will be done via *Direct Debit* or standing instruction if the salary deduction is not activated or is deactivated. You are also responsible to provide a written notice to YYP if there are any changes to your salary account / account specified in the Direct Debit Authorisation Form, to update your account details with YYP and by signing a new Direct Debit Authorisation Form.** */ Anda harus memastikan bayaran ansuran bulanan dibayar pada setiap bulan. Pembayaran ansuran bulanan dibuat melalui potongan gaji bulanan. Pembayaran ansuran bulanan akan dibuat melalui kemudahan Direct Debit atau arahan tetap sekiranya skim potongan gaji bulanan tidak dapat diaktifkan dan/atau diberhentikan. Pelanggan juga bertanggungjawab untuk memberi notis bertulis kepada YYP sekiranya terdapat perubahan pada akaun kemasukan gaji bulanan / akaun yang dinyatakan dalam Borang Kebenaran Direct Debit serta mengemaskini butiran akaun dengan YYP dan menandatangani Borang Kebenaran Direct Debit yang baru.*

11. **What if I overpaid my instalments for this month? /** *Bagaimana jika saya terlebih bayar untuk ansuran bulan ini?*
    **All excess payments will be treated as prepayment and used to offset gross balance or amounts overdue. Prepayment does not amount to advance instalment and will not lower the profit payments and / or future instalment amounts. Repayment of the original instalment amount will still be required in the following month. /** *Semua bayaran lebih akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan dan digunakan untuk menolak baki kasar atau amauntertunggak. Bayaran pendahuluan tidak dikira pendahuluan ansuran dan tidak akan mengurangkan pembayaran keuntungan dan / atau amaun ansuran masa depan. Pembayaran balik amaun ansuran asal masih diperlukan pada bulan berikutnya.*

12. **Is there any legal fee upon application? /** *Adakah yuran guaman dikenakan ke atas permohonan saya?*
    **There is no legal fee upon application. /** *Tiada yuran guaman dikenakan ke atas permohonan.*

13. **Is there any Takaful coverage for this product? /** Adakah terdapat liputan perlindungan Takaful untuk produk ini?
    **There is no Takaful coverage for this product. /** *Tiada liputan perlindungan Takaful untuk produk ini.*

14. **Do I need a guarantor or collateral? /** *Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?*
    **No guarantor or collateral is required. /** *Tiada penjamin atau cagaran diperlukan.*

15. **Is there any cancellation fee upon my request for withdrawal or cancellation of my application? /** *Adakah yuran pembatalan dikenakan atas permintaan saya untuk penarikan atau pembatalan permohonan saya?*
    - **No cancellation fee will be charged if the cancellation is made after acceptance of the letter of offer so long as the proceeds from the sale of the commodity have not been disbursed**/ *Tiada yuran pembatalan dikenakan sekiranya pembatalan dibuat selepas penerimaan surat tawaran selagi hasil penjualan komoditi belum dikeluarkan.*
    - **Within 14 days from the date of theproceeds from the sale of commodity have been disbursed ("Disbursement Date"), /** *Dalam masa 14 hari dari tarikh hasil penjualan komoditi dikeluarkan ("Tarikh Pengeluaran"),*
      *a.* **a cancellation fee of RM250 will be charged and full refund of the proceeds from the sale of the commodity disbursed to you; and /** *yuran pembatalan sebanyak RM250 akan dikenakan dan pemulangan penuh hasil penjualan komoditi yang telah dikeluarkan kepada anda; dan*
      *b.* **any tax on fees and charges previously paid and passed on to the relevant authorities will be absorbed by you. /** *apa-apa cukai yang dikenakan ke atas yuran dan caj yang dibayar sebelumnya dan diserahkan kepada pihak berkuasa akan ditanggung oleh anda.*
    - **Within 15 to 30 days from the Disbursement Date, /***Dalam masa 15 hingga 30 hari dari Tarikh Pengeluaran,*
      *a.* **a cancellation fee of RM250 plus 30 days' profit on the Facility Amount will be charged and full refund of the proceeds from the sale of the commodity disbursed to you; and /** *yuran pembatalan sebanyak RM250 ditambah keuntungan 30 hari atas Amaun Kemudahan akan dikenakan dan pemulangan penuh hasil penjualan komoditi yang telah dikeluarkan kepada anda; dan*
      *b.* **any tax on fees and charges previously paid and passed on to the relevant authorities will be absorbed by you. /** *apa-apa cukai yang dikenakan ke atas yuran dan caj yang dibayar sebelumnya dan diserahkan kepada pihak berkuasa akan ditanggung oleh anda.*
    - **After 30 days from the Disbursement Date, cancellation or withdrawal will constitute an early settlement. You will be required to pay the Outstanding Sale Price and any rebates (Ibra') which is at YYP's absolute discretion. Please refer Q16 for rebate (Ibra') calculation. /** *Selepas 30 hari dari Tarikh Pengeluaran, pembatalan atau penarikan akan dikira sebagai penyelesaian awal. Anda akan diminta untuk membayar Tunggakan Harga Jualan dan apa-apa rebat (Ibra') yang tertakluk kepada budi bicara mutlak YYP. Sila rujuk Q16 untuk pengiraan rebat (Ibra').*

16. **What if I fully settle the Personal Financing-*i* Facility before its maturity? /** *Bagaimanakah sekiranya saya membuat penyelesaian penuh ke atas Kemudahan Pembiayaan Peribadi-i sebelum tempoh matang?*
    - **Early settlement in full is allowed at any point of time before its maturity by giving 3 months' written notice prior to the settlement date. A rebate (Ibra') may be given at YYP's absolute discretion, after taking into account of any charges and fees which represent the actual charges by YYP for the facility (if any) or any other costs incurred by YYP as a result of early settlement of the Personal Financing-*i* Facility. /** *Penyelesaian awal sepenuhnya dibenarkan pada bila-bila masa sebelum tempoh matang dengan memberikan notis bertulis 3 bulan terdahulu sebelum tarikh penyelesaian. YYP di atas budi bicara mutlaknya akan mempertimbangkan pemberian rebat (Ibra') setelah mengambil kira caj atau yuran yang mewakili caj sebenar berhubung dengan peruntukan untuk penyediaan kemudahan ini (jika berkenaan) atau kos lain yang ditanggung oleh YYP akibat penyelesaian awal Kemudahan Pembiayaan Peribadi-i.*
    - **Rebate (Ibra') shall be calculated in accordance with the following formula based on the "Rule of 78": /** *Rebat (Ibra') akan dikira dengan formula berikut berdasarkan "Peraturan 78":*

      **Unearned Profit x Internal Policy Rate (%) /** *Keuntungan Belum Diperolehi x Kadar Polisi Dalaman (%)*
    - **Early Settlement Statement Charge: RM100 per request (if applicable) /** *Caj Penyata Penyelesaian Awal: RM100 setiap permintaan (jika berkenaan)*

17. **What if I fail to fulfil my payment obligations? /** *Apakah implikasi sekiranya saya gagal menunaikan kewajipan pembayaran saya?*
    - **Should you fail to service your payment obligation in a timely manner, the following Late Payment Charges ("LPC") shall apply: /** *Sekiranya anda gagal membuat bayaran ansuran pada tarikh yang ditetapkan, caj bayaran lewat berikut akan dikenakan:*

    a. **During Facility Tenure /** *Semasa Tempoh Kemudahan*

    **LPC of 1.0% per year on the outstanding instalment amount will be imposed. /** *Caj bayaran lewat sebanyak 1.0% setahun ke atas amaun ansuran tertunggak akan dikenakan.*

    **Formula: /** *Formula:*

    $$\frac{\textbf{Outstanding Instalment Amount x 1\% x No. of Overdue day(s) /}\ \textit{Amaun Ansuran Tertunggak x 1\% x No. Hari Tertunggak}}{\textbf{365 days /}\ \textit{hari}}$$

    b. **After Maturity of Facility Tenure /** *Selepas Tempoh Matang Kemudahan*

    **LPC shall be charged based on the prevailing Islamic Interbank Money Market ("IIMM") rate on the outstanding balance of the Sale Price until the full payment of the Sale Price. The amount of LPC charged to you will not be compounded to the outstanding balance of the Sale Price. /** *Caj bayaran lewat berdasarkan kadar semasa Pasaran Wang Antara Bank Islam (Islamic Interbank Money Market atau "IIMM") akan dikenakan ke atas baki tertunggak Harga Jualan sehingga pembayaran penuh Harga Jualan. Caj bayaran lewat yang dikenakan tidak akan dikompaun pada baki tertunggak Harga Jualan.*

    **Formula: /** *Formula:*

    $$\frac{\textbf{Outstanding Sale Price (less Ibra'/rebate) x Prevailing IIMM\% x No. of overdue day(s) /}\ \textit{Tunggakkan Harga Jualan (tolak Ibra'/rebat) x IIMM\% x No. Hari Tertunggak}}{\textbf{365 days /}\ \textit{hari}}$$

    c. **Default Payment /** *Kemungkiran bayaran*

    **In the event of default (non-payment) on one (1) or more monthly instalment payments, legal actions will be taken if you fail to respond to reminder notices. /** *Sekiranya berlaku kemungkiran (tiada bayaran) pada satu (1) atau lebih bulan ansuran, tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal memberi maklum balas terhadap notis peringatan.*
    - **YYP reserves the right to take legal action and all costs incurred will be borne by you. Legal action against you may affect your credit rating and leading to credit being more difficult or expensive to you. /** *YYP berhak untuk mengambil tindakan undang-undang dan semua kos akan ditanggung oleh anda. Tindakan undang-undang terhadap anda akan menjejaskan penilaian kredit anda dan menyebabkan kredit yang lebih sukar atau mahal untuk anda perolehi.*
    - **YYP has the right to appoint a collection agent of its choice to collect all and any amount due to YYP from you under the Personal Financing Facility-i by giving notice to you at least seven (7) days prior assignment of account to the appointed agent. All charges imposed by the collection agency shall be borne by you. /** *YYP berhak untuk melantik agensi pemungut pilihannya sendiri untuk mengutip semua dan apa-apa amaun yang tertunggak kepada YYP daripada anda di bawah Kemudahan Pembiayaan Peribadi-i dengan memberi notis kepada anda sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum penyerahan akaun kepada agensi yang dilantik. Sebarang caj yang dikenakan oleh agensi pemungut hendaklah ditanggung oleh anda.*

18. **What do I need to do if there are changes to my contact details? /** *Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan ke atas maklumat perhubungan saya?*

    **It is important that you inform us of any changes in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner. To update your contact details, please contact us at: /** *Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, sila hubungi kami di:*

    ☎ : 03 – 4047 0888
    ✉ : pertanyaan@yyp.com.my

19. **Where can I get assistance and redress? /** *Dari manakah saya boleh mendapat bantuan dan pembelaan?*

    **If you have difficulties in meeting your payment obligations and / or wish to complain on the products or services provided by us, you may contact us at: /** *Sekiranya anda menghadapi kesulitan dalam memenuhi kewajipan pembayaran anda / atau ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, sila hubungi kami di:*

    ☎ : 03 – 4047 0888
    ✉ : pertanyaan@yyp.com.my

20. **Where can I obtain further information? /** *Dari manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?*

    **Should you require further explanation on our products, please contact us at: /** *Sekiranya anda perlukan penerangan lanjut tentang produk-produk kami, sila hubungi kami di:*

    ☎ : 03 – 4047 0888
    ✉ : pertanyaan@yyp.com.my
    🌐 : www.yyp.com.my
    f : PortalRasmiYYP

**I have read and understood the terms and conditions of the Personal Financing-*i* Facility's Product Disclosure Sheet. /** *Saya telah membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat Lampiran Keterangan Produk Kemudahan Pembiayaan Peribadi-i.*

…………………………………………………………………….

**Name /** *Nama* :
**IC No. /** *No. K.P* :
**Date /** *Tarikh* :